



**KEMENTERIAN
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**



PLANMalaysia

Perancangan Melangkaui Kelaziman
Planning: Beyond Conventional

TEKS UCAPAN

YBHG. DATUK ZAINAL ABIDIN BIN ABU HASSAN

**KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN
KERAJAAN TEMPATAN (KPKT)**

SEMPENA

**MAJLIS SAMBUTAN 100 TAHUN
PERANCANG BANDAR MALAYSIA (#100PBM)**

30 JUN 2021

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Assalammualaikum W.B.T Dan Salam Sejahtera

Yang Amat Berhormat

Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Bin Haji Mohd Yassin

Perdana Menteri Malaysia

Yang Berhormat

Datuk Hajah Zuraida binti Kamaruddin

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Yang Berhormat

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Mutallib

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Yang Berusaha

TPr Gs Dr. Shamsaini Binti Shamsuddin

Ketua Pengarah, PLANMalaysia

(Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa)

Dato' Bandar - Dato' Bandar;

Yang Dipertua dan Setiausaha Majlis Perbandaran dan Daerah;

Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri;

Wakil-wakil agensi Persekutuan dan Negeri;

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian;

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, suka saya melafazkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnianya maka dapat kita semua berada bersama-sama dalam Majlis Sempena Sambutan 100 Tahun profesion Perancangan Bandar di negara kita yang tercinta ini.
2. Saya selaku Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) ingin mengucapkan syabas dan

tahniah kepada PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) dan semua Pihak Berkuasa Tempatan di atas segala sumbangan yang telah diberikan dalam mencorak pembangunan negara semenjak awal perkhidmatan perancangan bandar pada tahun 1921 sehingga kini yang genap 100 tahun. Saya berharap agar momentum dan komitmen yang telah diberikan selama ini dapat dikekalkan malah ditingkatkan lagi sejajar dengan perkembangan semasa di peringkat tempatan mahupun di arena antarabangsa.

3. Saya sentiasa bersedia dan terbuka untuk bekerjasama dengan lain-lain kementerian dan agensi bagi mewujudkan sistem perancangan yang lebih berintegrasi dan bersepadu lebih-lebih lagi dalam era yang memerlukan kepada perkongsian data dan maklumat. Dalam era masa kini, kita tidak boleh bertindak secara sendirian (*work in silo*) lagi memandangkan isu-isu perancangan pembangunan yang sedang dihadapi adalah lebih kompleks dan rumit berbanding dahulu terutamanya pasca pandemik COVID-19.

PENUTUP

4. Akhir kata, bersempena dengan sambutan 100 Tahun Perancangan Bandar ini saya menyeru kepada semua

Perancang Bandar, marilah kita bersama-sama berganding bahu dalam usaha memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat dan negara. Jadikanlah tempoh 100 tahun yang telah dilalui (1921-2021) sebagai satu kematangan kita dalam mendepani cabaran-cabaran dunia global dan setempat yang tidak menentu bagi memastikan kita sentiasa relevan dan dilihat sebagai satu profesion yang amat signifikan dalam membantu kerajaan mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (*Sustainable Development Goals*) dan Agenda Perbandaran Baharu (*New Urban Agenda*).

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.

Teks Disediakan Oleh:

PLANMalaysia